

Kota Marudu banjir buat kali kedua

KOTA KINABALU: Daerah Kota Marudu yang terletak kira-kira 100 kilometer dari sini, buat kali keduanya dilanda banjir dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, menyebabkan sekurang-kurangnya 1,869 penduduk daripada 617 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara, kelmarin.

Sehingga semalam, sebanyak 20 pusat pemindahan sementara dibuka termasuk Dewan Tonsom, Sekolah Kebangsaan (SK) Bingkongan, SK Ranau, Dewan Serbaguna Tandek dan Dewan Marudu Darat berikutan banjir di 25 kampung akibat hujan lebat berterusan sejak Jumaat lalu.

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kota Marudu, Sandreygo Salleh, berkata penduduk terbabit mula dipindahkan pada Jumaat la-

lu hingga kelmarin secara berperingkat.

"Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan kita sentiasa memantau keadaan banjir di daerah ini. Paras air Sungai Bandau dan Sungai Bongkon juga kembali di tahap normal.

"Setakat ini, kita sentiasa memantau kerana keadaan cuaca tidak menentu sekarang, malah mangsa banjir juga belum dibenarkan pulang," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili turut melawat kampung yang terbabit dengan banjir, kelmarin.

Ongkili yang juga Ahli Parlimen Kota Marudu turut mendengar taklimat banjir oleh Pegawai Daerah



BEBERAPA anggota bomba membantu penduduk berpindah ke kawasan selamat selepas kediaman mereka ditenggelami air di Kota Marudu, semalam.

FAKTA NOMBOR

20
pusat

Pemindahan sementara dibuka berikutan banjir di 25 kampung

Kota Marudu, Luvita Koisun, di bilik pengurusan bencana banjir di Kota Marudu.

Beliau berkata, jawatankuasa pengurusan bencana banjir sedang berusaha memastikan keselamatan penduduk yang terbabit termasuk mengurangkan kerosa-

kan harta benda.

"Kita juga mengalu-alukan bantuan makanan daripada orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu mangsa banjir dan mereka yang mahu berbuat demikian boleh menghubungi pejabat daerah Kota Marudu," katanya.